

# Bahasa Mandarin Sebagai Medium Dakwah: Kajian Terhadap Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)

*Mandarin Language as A Medium of Da'wah: A Study of Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)*

Safinah Binti Ismail<sup>1</sup>, Nur Aisyah Abu Hassan<sup>2</sup>, Aemy Elyani Mat Zain<sup>3</sup>, Nur Damia Husna Nor Sad<sup>4</sup>, Siti Zahidah Mu'al<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia.

<sup>2</sup> Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia.

<sup>3</sup> Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia.

<sup>4</sup> Pembantu Penyelidik, Geran Penyelidikan Inovasi, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia.

## Progres Artikel

Diterima: 7 Januari 2020

Disemak: 29 May 2020

Diterbit: 30 November 2021

\*Perhubungan Penulis:

Aemy Elyani Mat Zain, Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia;  
E-mail:

[aemyelyani@kuis.edu.my](mailto:aemyelyani@kuis.edu.my)

**Abstrak:** Etnik Cina merupakan bangsa yang kedua terbesar di Malaysia, anggaran tahun 2019 adalah 6.7 juta (22. %) berbanding bangsa lain. Bahasa komunikasi rasmi yang digunakan adalah Bahasa Mandarin. Kajian yang dilakukan oleh YADIM menunjukkan bahawa sebanyak 4 976 orang berbangsa Cina telah memeluk Islam daripada 11 472. Masalah utama peratusan memeluk agama Islam di kalangan bangsa Cina rendah adalah disebabkan persepsi etnik Cina bahawa Islam dan Melayu tidak dapat dipisahkan. Kesalahan penggunaan bahasa juga menjadi faktor kegagalan dalam dakwah. Oleh itu, artikel ini bertujuan mengkaji penggunaan bahasa Mandarin dalam dakwah yang dilakukan oleh Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA). Metode kajian adalah kualitatif yang bersifat kajian kes. Persampelan kajian adalah daripada penggerak MACMA. Pengumpulan data melalui temubual separa struktur dan pemerhatian. Kemudian dianalisis secara tematik. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Mandarin terhadap masyarakat Cina adalah pendekatan yang tepat dan sesuai. Penguasaan bahasa Mandarin dalam kalangan para pendakwah perlu dipertingkatkan dan dikuasai bagi memudahkan penyebaran dakwah. MACMA sebagai salah satu gerakan dakwah yang aktif menggunakan bahasa Mandarin. MACMA memainkan peranan sebagai jurucakap bagi golongan Cina Muslim di Malaysia dan juga sebagai jambatan bagi membina penyatuan melalui kepelbagaiannya bangsa dan kepercayaan di Malaysia. Antara kaedah yang digunakan adalah menterjemah al-Quran kepada bahasa Mandarin, pendidikan, program, makanan dan media serta pembinaan hubungan. Semoga dengan usaha yang dilakukan dapat memberi pengetahuan, mengukuhkan hubungan sesama mereka dan menyebarkan dakwah kepada masyarakat. Implikasi kajian meneliti bahawa keperluan juga membuka ruang kepada non-native speaker seperti Melayu Islam menguasai bahasa Mandarin sebagai alat komunikasi dengan golongan Cina terutamanya dalam menyampaikan dakwah.

**Kata kunci:** Bahasa; Mandarin; Dakwah; Medium; Peratuan Cina Muslim Malaysia (MACMA)

**Abstract:** Chinese ethnicity is the second largest race in Malaysia, with an estimation of 6.7 million people (22. %) in 2019 compared to other races. The official language of communication is Mandarin. A study conducted by YADIM shows that 4,966 Chinese have embraced Islam from 11 472 people. The main problem of the low percentage of Chinese embracing Islam is due to misunderstanding the concept of Malay and Islam. The inappropriate choice of language also partly leads to failure in da'wah. The purpose

*of this article is therefore to study the use of Mandarin in da'wah by the Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA). This article is a qualitative study in nature and employs a case study method. The sampling constitutes members of MACMA. The data collection is retrieved through semi-structured interviews and observations followed by thematic analysis in analyzing the data. The findings demonstrate the use of Mandarin in Chinese society is the appropriate approach where MACMA is one of the active da'wah movements that use Mandarin in spreading Islamic messages. MACMA serves as the mediator for Chinese Muslims in ensuring unity in a diverse nation like Malaysia. Their efforts can be seen through translating the Quran into Mandarin Language, education programs, food and media programs, and forming relationships. Thus, it can be summed that the ability to use Mandarin language among preachers needs to be enhanced and mastered in order to better facilitate the spread of da'wah.*

**Keywords:** Language; Mandarin; Da'wah; Medium; Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)

## Pengenalan

Etnik Cina merupakan bangsa yang kedua terbesar di Malaysia, anggaran tahun 2019 adalah 6.7 juta (22%) berbanding India 2.03 juta (6.9%) dan bangsa lain hanya 294 ribu (<https://www.permohonan.my/jumlah-penduduk-malaysia-terkini>). Menurut Abu Bakar dan Ismail (2018), statistik jumlah mualaf yang direkodkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dari tahun 2000 sehingga 2012 adalah seramai 106,747 orang. Bahkan kajian yang dilakukan oleh YADIM menunjukkan bahawa sebanyak 4 976 orang (43.3%) berbangsa Cina telah masuk Islam daripada 11 472. Manakala Abu Bakar dan Ismail (2018) berpandangan, isu-isu yang meruncing berkaitan mualaf bermula seawal mereka memeluk Islam sehingga selepas kematian mereka. Isu-isu tersebut menimbulkan pelbagai polemik dalam kalangan masyarakat terhadap sejauhmana usaha atau tindakan yang telah diambil oleh badan berkuasa untuk menangani permasalahan kebijakan dan spiritual mualaf tersebut. Osman Abdullah @ Chuah Hock dalam kajian Mhd Omar dan Syed Ismail al-Qudsy (2016) pula mengatakan masalah utama peratusan memeluk agama Islam di kalangan bangsa Cina rendah adalah disebabkan persepsi etnik Cina bahawa Islam dan Melayu tidak dapat dipisahkan dan semangat kebangsaan Melayu yang sangat dominan di kalangan masyarakat Melayu-Muslim di Malaysia. Sementara itu, seorang Cina yang memeluk Islam di Malaysia akan dianggap pengkhianat dari aspek hubungan kekeluargaan, budaya, tamadun, tradisi dan warisan nenek moyang. Bahkan, terdapat sebahagian mereka dibuang oleh ahli keluarga sendiri.

Di samping itu, ramai di kalangan Cina Muslim mengakui bahawa apabila memeluk Islam, majoriti menjadi malas dan mudah meminta-minta sedangkan masyarakat Cina terkenal dengan budaya hidup mereka

yang rajin. Terdapat juga mualaf termasuk Cina Muslim sukar untuk mendapatkan kerjasama kerana mereka tidak berdaftar dibawah badan-badan dakwah. Ada juga segelintir daripada saudara baru yang mengambil kesempatan terhadap kebijakan yang disalurkan. Di samping itu, kekurangan kewangan turut memberi kesan kepada bagi menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah. Bahkan terdapat juga saudara baru yang mengugut untuk murtad jika permintaannya tidak ditunaikan (Abdul Fatah & Abdullah @ Pao, 2018). Manakala Fuad (2015) pula mengatakan kesalahan penggunaan bahasa menyebabkan kegagalan dalam dakwah. Berkesinambungan dengan itu, tanggungjawab berdakwah kepada etnik Cina menjadi satu kemestian kepada umat Islam di Malaysia. *Malaysian Chinese Muslim Association* (MACMA) menjadi salah satu platform bagi menyebarkan dakwah kepada etnik ini. Bagi menarik minat kaum Cina untuk mendekati Islam, penggunaan bahasa Mandarin perlu dikaji dengan lebih mendalam. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji penggunaan bahasa Mandarin sebagai pengantar dakwah dan menganalisis kaedah penggunaan bahasa Mandarin yang dilaksanakan oleh MACMA.

Penulisan kajian berkaitan bahasa telah dibincangkan oleh Omar (2002) yang bertajuk *Setia dan Santun Bahasa* menunjukkan bahawa fungsi sesuatu bahasa bergantung pada konteks dan tujuan dalam sesuatu definisi seseorang. Kemahiran berbahasa mempunyai empat skop iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Abu Hassan & Yama (2018) pula membincangkan tentang kepentingan mempelajari bahasa asing menurut al-Quran dan Hadith. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa bahasa asing dapat dijadikan bahasa pengantar atau medium dalam berdakwah kepada masyarakat yang berbilang bangsa dan bahasa. Maka, mempelajari bahasa asing adalah dibolehkan di dalam Islam sepetimana keadaan para pendakwah yang

menggunakan bahasa mengikut sasarnya. Menurut Siok, T.H (2015), penguasaan dan keupayaan bertutur dalam bahasa Mandarin mampu meningkatkan daya saing seseorang secara global. Hal ini menunjukkan kepentingan bahasa Mandarin secara meluas di seluruh pelusuk dunia.

Manakala kajian berkaitan Cina telah dikaji oleh pengkaji sebelum ini antaranya ialah Nik Mahmood (1997), Ahmad Ali (2010) dan Baharum (2014), Seng (1996) membahaskan tentang latar belakang Cina di Malaysia, asal usul kedatangan Cina ke Malaysia, adat, pantang larang dan adat budaya Cina. Hasil kajian tersebut mendapat bahawa kebanyakan pendatang Cina datang ke Tanah Melayu pada masa itu untuk berkerja sebagai ‘buruh terikat’ melalui perjanjian bertulis (*indentured labour*) iaitu kuli (kuasa susah-payah). Manakala Abd Rahman (1992) membahaskan tentang etnik Cina menurut perspektif Islam. Hok (2011) pula membahaskan sikap dan pemilihan bahasa kaum Cina Malaysia. Penulisan berkaitan badan bukan kerajaan yang terlibat dengan dakwah antaranya Mohd Zin A.A. et al (2006) dalam bukunya *Dakwah Islam di Malaysia*. Terdapat pelbagai badan kerajaan dan bukan kerajaan terlibat dalam dakwah di Malaysia. Menurut Abu Bakar dan Ismail (2018), Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dengan mualaf antaranya, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA), *Islamic Outreach* Angkatan Belia Islam Malaysia (IOA) dan banyak lagi.

Kajian Mhd Omar, Syed Ismail al-Qudsy (2016) pula membincangkan Sumbangan *Organisasi Cina-Muslim Dalam Keharmonian Beragama Di Malaysia: Tinjauan Terhadap Peranan Dan Cabaran PERKIM Dan MACMA*. Kajian tersebut mendapati PERKIM dan MACMA merupakan badan bukan kerajaan yang banyak menjalankan tugas dakwah yang sistematik berdasarkan keperluan sasaran. Indikator kejayaan adalah disebabkan tiga faktor utama iaitu kepimpinan yang berkesan, komitmen yang berterusan dan keupayaan memahami budaya masyarakat Cina itu sendiri. Manakala indikator lain adalah dengan penubuhan masjid Cina Muslim, pengekalan nama Cina setelah memeluk Islam, hubungan yang harmoni dengan masyarakat Cina dan bangsa yang lain termasuk Melayu dan India, penganjuran pelbagai aktiviti kebudayaan yang melibatkan semua kaum di Malaysia dan kerjasama yang erat dengan penguasa agama di pelbagai peringkat. Rosli dan Abdullah @ Pao (2015) pula membincangkan aplikasi metodologi dakwah *Malaysian Chinese Muslim Association* (MACMA) Kelantan kepada Muallaf sebagai satu usaha dan proses untuk menyampaikan dakwah kepada golongan muallaf seperti dakwah melalui pendidikan, kebajikan, ekonomi, khidmat sosial dan seni bina masjid. Manakala, Abdul Fatah & Abdullah @ Pao (2018) membahaskan berkaitan

keberkesan program dakwah MACMA Kelantan terhadap muallaf. Hasil kajian mendapat bahawa program-program dakwah yang dijalankan adalah berkesan namun terdapat beberapa penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk mengoptimalkan lagi keberkesanannya yang dicapai.

## **Kepentingan Bahasa Sebagai Pengantara Dakwah**

Komunikasi merupakan istilah yang terbentuk hasil daripada gandingan perkataan yang dituturkan oleh seseorang individu bersama individu yang lain (Halim, 2018). Omar (2002) juga berpendapat dalam kehidupan seharian, fungsi sesuatu bahasa bergantung pada konteks dan tujuan dalam sesuatu definisi seseorang. Oleh itu, mempelajari dan menguasai bahasa asing memberikan kelebihan kepada seseorang individu. Abu Hassan & Yama (2018) pula menjelaskan bahawa bahasa asing dapat dijadikan bahasa pengantara atau medium dalam berdakwah kepada masyarakat yang berbilang bangsa dan bahasa. Maka, mempelajari bahasa asing adalah dibolehkan di dalam Islam sepetimana keadaan para pendakwah yang menggunakan bahasa mengikut sasarnya. Penggunaan bahasa Mandarin amat ditekankan hal ini kerana fokus dakwah lebih kepada etnik Cina bagi menarik minat kaum Cina untuk mendekati Islam. Selain itu juga, penggunaan bahasa Mandarin lebih berkesan dalam komunikasi dengan mereka dan dapat membina hubungan yang baik dengan masyarakat Cina (Muhammad, 2017). Firman Allah SWT dalam Surah Ibrahim ayat 4:

*“Dan kami tidak mengutuskan seorang Rasul pun, melainkan dengan bahasa kaumnya, agar dia dapat memberi penjelasan kepada mereka. Maka Allah menyesatkan siapa yang Dia kehendaki, dan memberi petunjuk kepada siapa yang Dia kehendaki. Dia Yang Maha perkasa, Maha bijaksana”.*

Kelebihan penggunaan bahasa Mandarin dapat lihat dari segi berkomunikasi dengan bangsa Cina atau muallaf Cina. Bagi bangsa Cina, dengan mempelajari bahasa mereka seseorang dapat memiliki pengetahuan bahasa Mandarin dan membantu pendakwah menyampaikan Islam. Selain itu, keupayaan berkomunikasi dalam bahasa Mandarin adalah menguntungkan bagi pendakwah kerana bangsa Cina mengagumi orang yang mahir berbahasa mereka. Oleh itu, ia membuka peluang untuk pendakwah mendekati bangsa Cina dengan mudah dan menyakinkan mereka mengenai kebenaran Islam (Jasni & Mohd Shukri 2018).

## Metodologi Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Reka bentuk ini digunakan bagi memahami penggunaan bahasa Mandarin secara umum dalam dakwah di Malaysia. Reka bentuk ini dipilih kerana pendekatan kualitatif sesuai dijalankan dan selari dengan kajian kes. Kajian kualitatif merujuk kepada kajian yang dijalankan memerlukan pemerhatian yang teliti. Kajian ini untuk menjawab persoalan utama kajian iaitu: Bagaimana *Malaysian Chinese Muslim Association* (MACMA) menggunakan bahasa Mandarin dalam dakwah? Kajian ini adalah kajian yang cenderung kepada metode pengumpulan data melalui temubual separa struktur dan analisis dokumen.

### 3.1 Pemilihan Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan penggunaan bahasa Mandarin dalam dakwah oleh *Malaysian Chinese Muslim Association* (MACMA). Dalam kajian ini, persampelan atau *purposive sampling* dipilih sebagai kaedah pemilihan sampel. Dalam penyelidikan kualitatif, subjek kajian atau latar kajian dipilih berdasarkan tiap-tiap subjek atau latar kajian akan menunjukkan kepelbagaiannya dalam sampelan serta dapat memberikan maklumat yang sesuai. Sampelan yang dipilih atas tujuan-tujuan tertentu akan meningkatkan kemungkinan yang kepelbagaiannya perspektif dan pandangan tentang perkara yang sama ada dalam satu-satu fenomena sosial dapat dipersembahkan dalam data (Piaw, 2006). Neuman (1991) menjelaskan bahawa pemilihan sampel secara khusus dibuat bersandarkan kepada kriteria-kriteria khusus yang ada pada peserta kajian manakala peserta berperanan sebagai pemberi maklumat dan sedia berkongsi dengan pengkaji sesuai dengan bidang kepakaran peserta dan bidang kajian yang dilakukan. Pemilihan sampel yang sesuai dengan bidang kajian penting kerana hasil maklumat yang akan diperolehi bergantung kepada pengalaman, kepakaran dan pengetahuan dalam sesuatu bidang (Jasmi, 2012). Selain itu juga, Lebar (2014) turut menyatakan pemilihan sampel secara bertujuan membantu pengkaji dalam mendapatkan pemahaman yang mendalam mengenai fenomena dan keadaan semasa dalam satu kajian. Oleh itu, seramai tiga orang peserta kajian dipilih terdiri daripada mereka yang aktif dalam *Malaysian Chinese Muslim Association* (MACMA). Jadual 1 merupakan senarai peserta yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 1: Latar Belakang Peserta Kajian

No	Peserta Kajian	Jantina	Jawatan
1.	Prof Dr. Taufiq Yap Yun Hin	Lelaki	Presiden MACMA
2	Ustazah	Perempuan	Ahli MACMA

3	Maisarah Leong Ustazah Nurul Nadhirah Liew	Perempuan	Setiausaha Agung MACMA
---	---	-----------	---------------------------

Sumber : Catatan dokumen kajian penyelidik 2019

### 3.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data

Apabila hasil transkripsi telah mendapat pengesahan, pengkaji mula menyusun data-data temubual yang diperoleh mengikut tema yang bersesuaian dengan objektif dalam kajian ini. Setelah itu, pengkaji juga turut menyediakan satu set borang bagi mendapatkan persetujuan dan semakan daripada pakar terhadap data kajian ini. Piaw (2012) menjelaskan bahawa penentuan tingkatan nilai Cohen Kappa yang diperolehi dalam sesuai kajian adalah penting bagi tujuan peningkatan dalam menentukan kebolehpercayaan dalam suatu penyelidikan kualitatif. Bagi mendapatkan jumlah nilai Cohen Kappa berdasarkan kepada soalan temubual yang telah disemak oleh pakar bidang, pengkaji telah melakukan pengiraan kepada setiap soalan temubual berikut. Kaedah pengiraan bagi mendapatkan nilai Cohen Kappa adalah berdasarkan formula Cohen Kappa. Keputusan kiraan menunjukkan nilai Cohen Kappa yang dicapai adalah pada tahap sangat baik dengan jumlah 1. Jadual berikut menunjukkan hasil kiraan nilai Cohen Kappa setelah mendapat pengesahan dan persetujuan daripada pakar bidang.

Jadual 2: Hasil Kiraan Berdasarkan Formula Cohen Kappa

K=	16 (fa) - 8 (fc)	= 1
	16 (N) - 8 (fc)	

Sumber : Catatan dokumen kajian penyelidik 2019

### 3.3 Pengalisan Data

Untuk menganalisis data, pengkaji menggunakan kaedah analisis bertema atau dikenali sebagai kaedah tematik. Kaedah analisis bertema adalah satu kaedah asas untuk menganalisis kajian kualitatif (Braun dan Clarke, 2006). Justeru itu, selepas selesai sesi temubual dengan peserta kajian, pengkaji mengasingkan data temubual mengikut kod yang mewakili setiap peserta kajian. Selepas itu, pengkaji melakukan proses transkripsi hasil dari data temubual bersama peserta kajian. Bagi memastikan keselarian rakaman dengan data temubual sebenar, hasil rakaman dan transkrip dibaca berulang kali supaya ketepatan data dicapai. Transkrip diasingkan mengikut lokasi dan kumpulan sasaran bagi memudahkan analisis dilakukan. Cara untuk menganalisis dilakukan dengan mengenal pasti pandangan responden dan melaporkan sama seperti yang mereka nyatakan dalam temubual. Kemudian, tema dikenal pasti melalui persoalan kajian yang dijadikan landasan kajian. Pandangan responden kemudiannya diklasifikasikan sebelum tema jawapan

terhasil. Bagi sebarang tema yang didapati mempunyai persamaan atau pertindanan, ia akan digabungkan di bawah tema yang sama. Pengulangan bacaan dilakukan sehingga penyelidik yakin bahawa ia adalah tema yang paling sesuai untuk menjawab persoalan kajian. Pengulangan juga dibaca bagi tujuan pengesahan daptan analisis.

## Dapatkan Kajian

Dapatkan kajian merangkumi profil *Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)* dan kaedah penggunaan bahasa Mandarin yang dilakukan oleh *Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)*.

### 4.1 Latar Belakang Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)

*Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)* atau Persatuan Cina Muslim Malaysia merupakan salah satu pertubuhan bukan kerajaan di negara Malaysia. Ia ditubuhkan secara rasminya pada 8hb September 1994 bagi memenuhi kehendak masyarakat Cina Muslim untuk mengerah usaha dakwah dengan lebih berkesan dan tertumpu kepada bangsa Cina serta rakyat berbilang kaum di negara ini. Penubuhan MACMA selain daripada mempromosikan atau menyampaikan risalah Islam kepada masyarakat Cina juga bertujuan menyediakan bantuan dan perkhidmatan dari pelbagai aspek kepada ahli seperti kelas fardhu ain dan kelas bimbingan lanjutan dalam pelbagai bahasa khususnya dalam bahasa Mandarin, menjaga kebajikan dan kesejahteraan ahli, memberi khidmat kaunseling dan sokongan moral, menyediakan peluang pendidikan lanjutan sepanjang hayat, meningkatkan taraf sosial ekonomi dan memupuk semangat sukarelawan di kalangan ahli supaya dapat melahirkan satu golongan Cina Muslim yang bertaqwa untuk menjadi “*khairul ummah*” seperitmanya dituntut dari kitab suci Al-Quran. MACMA juga memainkan peranan sebagai jurucakap bagi golongan Cina Muslim di Malaysia dan juga sebagai jambatan untuk membina penyatuan melalui kepelbagaian bangsa dan kepercayaan di dalam keunikian masyarakat majmuk di Malaysia terutamanya kepada masyarakat Cina yang belum Islam (Wahab 2018; Sukami, 2018).

MACMA juga telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan beberapa pertubuhan dan jabatan sama ada untuk mendapatkan bantuan kewangan atau kerjasama dalam menjalankan program. Antara pertubuhan tersebut ialah ABIM, PERKIM, Persatuan Darul Fitrah, RISEAP, JAWI, JAIS dan JAKIM. Pada awal penubuhannya tahun 1994, MACMA terdiri daripada 50 ahli. Dari tahun ke tahun, keahlian MACMA meningkat sehingga pada tahun 1998 menjangkau 1100 orang ahli. Keahlian MACMA terbuka kepada semua

Muslim yang berketurunan Cina sama ada generasi pertama (Cina Murni) atau kedua (Cina Peranakan). Bagi umat Islam lain yang berminat untuk menjadi ahli, mereka dikategorikan sebagai ahli sekutu (Mohd Zin, 2006). Di samping itu, laman rasmi MACMA telah mencatatkan kejayaan dengan penubuhan sebanyak 17 buah cawangan di seluruh Malaysia; 13 cawangan negeri, tiga cawangan daerah dan tiga cawangan baru dalam proses pendaftaran. Bagi sesi 2015-2017, MACMA dipimpin oleh Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin. Beliau merupakan seorang pensyarah di Universiti Putra Malaysia, yang berkepakaran dalam bidang biodiesel. Menurut statistik, ahli MACMA seluruh negara pada tahun 2014 seramai 2586, bertambah dari tahun 2013 (2560 orang) dan 2012 (2432 orang) (Mhd Omar, Syed Ismail al-Qudsy, 2018).

### 4.2 Visi dan Misi Penubuhan MACMA

Selaras dengan penubuhannya, MACMA telah menetapkan visi iaitu “Menjadi sebuah badan dakwah yang terunggul dan berwibawa serta mewakili suara kaum Cina Muslim di Malaysia”. MACMA dalam mencapai visi mereka adalah untuk membangunkan kaum Cina Muslim Malaysia supaya menjadi satu ummah “*khairul ummah*” yang bertaqwa dan berilmu. Motto yang dipegang oleh MACMA adalah “*We care, we share and we guide*” yang membawa maksud “kami prihatin, kami berkongsi dan kami membimbang” (Visi dan Misi MACMA, 2019).

### 4.3 Kaedah Penggunaan Bahasa Mandarin oleh Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)

Penggunaan Bahasa Mandarin oleh *Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)* dalam melaksanakan dakwah dengan pelbagai kaedah iaitu:

#### 4.3.1 Terjemahan Al-Quran Dalam Bahasa Mandarin

Penerbitan kitab al-Quran dalam versi bahasa Mandarin merupakan usaha kerjasama antara MACMA dan Yayasan Restu. Usaha sama projek menerbitkan al-Quran versi bahasa Cina ini dipimpin oleh Ustaz Abdul Kadir Leong sebagai ketua penterjemah. Seperti keterangan Presiden MACMA, Prof. Dr. Taufiq Yap Hin:

“Sebab tu lah penting buku, sebab tu kita nak jugak cetak al-Quran dalam bahasa Cina. Yang tu kerjasama dengan Yayasan Restu dan alhamdulillah kita punya ketua penterjemahan ni ialah ustaz Abdul Kadir Leong. Ustaz ni dia dulu menulis buku tajwid. Buku warna hijau. Kalau belajar tajwid kan, satu buku tu buku dia..warna hijau kulit dia...sebab dia ada 2 tulisan satu yang tradisional yang susah tulis yang satu lagi simplify punya. Okay. So

*terjemahan yang kami buat tu dah diluluskan oleh JAKIM so boleh cetak kot by the end of this year. Boleh diedarkan kita wakafkan quran tu. Kenapa kita buat? Sebab kita nak supaya bahasa yang digunakan tu bahasa yang mudah untuk dibaca dan difahami. Sebelum ni kita pakai Ma Chieng. Prof Ma Chieng, dia punya bahasa dia agak tinggi”.*

(Hin, 2019)

#### 4.3.2 Pendidikan

Keprihatinan MACMA dalam aspek pendidikan terserlah melalui kelas-kelas pengajian yang diadakannya. Leong dan Liew (2019) juga menjelaskan MACMA memfokuskan dari aspek pendidikan dengan mengadakan kelas-kelas seperti kelas pengukuhan akidah dan kelas pembelajaran bahasa Mandarin. Beliau menjelaskan:

*“Seminggu Sabtu je, 4 kali la sebulan. Setiap kali kelas ada minuman makanan..Ada di Rawang. Yang tu dikendali oleh Ustaz Amir Ng. cakap Mandarin. Di surau al-Amin ke an-Nur. Dalam 10-15 ada lah. Sebab Rawang sana ramai Cina Muslim. Sebab Selangor ni besar...”.* (Leong, 2019)

Manakala Hin (2019) menjelaskan dalam konteks pendidikan, MACMA berjaya dalam menubuhkan sebuah sekolah rendah Islam. Berikut merupakan kenyataan beliau:

*“...so kami juga cuba buat sekolah yang berorientasikan bahasa Mandarin tu sebagai bahasa di Seremban 2. (bercakap bahasa Cina). Sekolah Rendah Islam Aufa di Seremban 2. Matlamatnya supaya kalau ada anak-anak yang Muallaf Cina ni anak-anak yang Cina Muslim ni dapatlah belajar bahasa Cina dan masyarakat Melayu sendiri pun nak belajar bahasa Cina jugak tapi still beginning. Kita baru operasi 4 tahun. Alhamdulillah so far so good lah...”.* (Hin, 2019)

#### 4.3.3 Penggunaan Media

Hin (2019) menyifatkan MACMA berusaha menggunakan media massa sebagai satu ruang untuk

penyebaran ilmu mengenai Islam. Dakwah melalui penyiaran di stesen televisyen dan stesen radio. Terdapat beberapa program yang telah dirangka secara berkala sama ada melalui medium bahasa Melayu seperti ‘Kembali Fitrah’ di TV Al-Hijrah atau melalui medium bahasa Mandarin iaitu ‘Sinaran Rohani’ yang bersiaran di TV 2. Kedua-duanya merupakan program video pendek berdurasi selama 15 minit ke 1 jam. Intipati dalam program ini adalah menceritakan mengenai ilmu Islam secara ringkas. Selain itu, MACMA berpeluang mengembangkan ilmu pendidikan mengenai Islam melalui medium surat khabar. Bahkan juga MACMA pernah bersiaran di stesen radio seperti stesen 911 dan stesen SOAEC yang mana mereka pernah menemubual wakil MACMA untuk mengupas tajuk berkenaan “*How the Chinese Muslim’s Life*”.

MACMA mengambil peluang memperkenalkan Islam dengan menggunakan saluran media baharu yang ada pada ketika ini seperti media sosial *Facebook*, *Youtube*, *Whatsapp* dan saluran-saluran media yang ada. Ini diakui oleh Leong (2019):

*“...kita nak attack mereka. Yang keduanya dalam Facebook kita pun kadang kala kita akan masukkan ayat-ayat berkaitan agama. Kadang bentuk hadis, kadang peribahasa tapi dalam bahasa Mandarin. Sebab sekarang media laju IT. Kita kena guna...”.* (Leong, 2019)

#### 4.3.4 Pengisian Program

Ketiga-tiga peserta dalam kajian ini menyatakan program adalah salah satu aktiviti utama dalam pendekatan dakwah MACMA. Melalui program secara tidak langsung menjalinkan hubungan antara pendakwah dengan *mad’u*. Antara program yang konsisten diadakan oleh MACMA adalah program pengukuhan ibadah. Ia memberikan pencerahan dan kefahaman tentang agama Islam kepada masyarakat Cina Muslim khususnya. Liew (2019) turut menerangkan selain program pengukuhan Islam, mereka juga konsisten dalam mengadakan program ziarah termasuk ziarah Non-Muslim. Kenyataannya adalah seperti berikut:

*“Program kami yang kita tengok apa jenis program. Macam program ziarah dari rumah ke rumah tu kita ziarah keluarga Chinese Muslim tapi dia tinggal dengan Non Muslim tu kita guna bahasa Mandarin”.* (Liew, 2019)

Selain itu, program *Chinese New Year Open House* juga diadakan pada setiap tahun. Leong (2019) menjelaskan bahawa perancangan program tidak hanya terhad dalam kalangan kerjasama bersama NGO dakwah

yang lain, malah MACMA juga membuka rangkaian bekerjasama dengan NGO Non Muslim dalam usaha mengadakan aktiviti dan program secara bersama. Menurut kenyataan Leong, (2019):

*“...kemudian, kita banyak kerjasama dengan NGO Non Muslim macam Dewan Perhimpunan Selangor KL tu, diaorang ada kelab wanita kan, jadi selalu buat perayaan...macam Pesta Tanglung ke apa kan, Pertandingan Memasak. Macam Ipoh, Perak, diaorang pun ada kerjasama dengan persatuan wanita di sana. Sekarang kita guna kerjasama. Jemputan, ada event apa-apa kita jemput hadir”.*

(Leong, 2019)

Usaha kerjasama yang dijalankan secara tidak langsung telah membina hubungan baik sesama insan. Kedua-duanya ini jelas menunjukkan luasnya skop pendekatan yang tidak terhad kepada dalam ruang lingkup dakwah semata-mata. Sebaliknya hubungan kerjasama dengan semua pihak secara meluas mampu membuka ruang yang lebih besar dalam memperkenalkan Islam kepada masyarakat awam.

#### 4.3.5 Dakwah melalui Makanan

Leong (2019) menyatakan bahawa salah satu pendekatan dakwah MACMA adalah dengan cara mengekalkan makanan tradisi Cina dengan menggantikan bahan yang tidak boleh dimakan kepada bahan yang boleh dimakan berdasarkan syariat Islam. Menurut kenyataan beliau:

*Macam baru-baru ni buat Chang, pulut tu, kalau Kantonis panggil Chong Sai, Kalau Hokkien dia panggil Chang Ba Chang Ba. Dalam tu ada isi daging maksudnya.*

(Leong, 2019)

Menurut Leong (2019), lazimnya makanan ‘Chang’ dalam masyarakat Cina adalah sejenis pulut yang berintikan daging babi. Namun demikian, sebagai salah satu usaha dakwah, daging babi tersebut digantikan dengan daging halal yang boleh dimakan seperti ayam atau daging lembu. Dalam masa yang sama, nama makanan tradisi tersebut masih dikekalkan bagi mengekalkan budaya masyarakat Cina. Hasilnya, masyarakat awam mula menerima dan memahami sebab daging babi digantikan kepada daging yang lain. Tidak hanya terhenti di situ, MACMA juga turut memberikan pencerahan kenapa daging babi tidak digalakkkan dalam Islam. Tidak terus menggunakan perkataan ‘haram’ dalam Islam, pendekatan dakwah MACMA dilihat menggunakan kaedah yang diterima secara terbuka. Sebagai contoh, MACMA menjelaskan khasiat makanan lain, kesan daging babi dari aspek kesihatan dan sebagainya. Ini dilihat dalam kenyataan Leong:

*“Dari pemakanan. Sebab makanan. Sebab Chang inti dia daging babi. Dia berlemak bila makan dengan pulut. Tapi sebab kita dah masuk Islam, kita tak ikut kita ubah suai guna ayam, kekacang, cendawan, macam-macam inti. Jadi kita bagi penerangan pada Non Muslim daging babi ni takley makan sebab kandungan dia, lepas tu larangan Allah. 2 sebab. Selain daging babi, banyak lagi makanan yang tuhan cipta kita boleh makan boleh pilih. Islam ni galakkan kesihatan jadi contoh tujuan soalan bagi dia fikir. Awak nak pilih yang bersih ke yang sedap. Nak yang mana? Kita bagi soalan bagi dia fikir. Ada taktik dia untuk sampaikan dakwah”.*

(Leong, 2019)

Karnival makanan halal merupakan salah satu aktiviti yang menjadi tumpuan dan mendapat perhatian masyarakat setiap kali ia diadakan. Dalam program karnival makanan yang diadakan, MACMA masih mengekalkan nama-nama tradisi makanan Cina seperti Kuih Bulan, Bak Kut Teh, Chang dan sebagainya. Namun demikian, transformasi bahan makanan telah diubah sesuai dengan makanan halal dalam kehidupan seorang Muslim. Seperti penjelasan Leong (2019):

*“...sambil tu kita buat karnival makanan Cina Muslim. Ada warung. Malam tu pengisian kita jemput sekitar orang sana kita buat jualan amal Tanglung tu kemudian kita buat perayaan. Pusing padang tu. Bagi Cina Muslim ni imbas kembali zaman kanak-kanak. Bagi Non Muslim dia nampak, dia pk eh orang Melayu pun ambil Tanglung jugak. aa dia macam satu tarikan lah. Kemudian ada kuih Bulan. Halal punya. Potong bagi rasa. Yang Non-halal bukan Islam ni diaorang pun ada rasa nak buat yang Halal jual kat masyarakat Melayu. Jadi ada la saling mengait. Yang Muslim nak sampaikan Islam, yang Non-Muslim nakkan pasaran Islam”.*

(Leong, 2019)

Begitu juga pandangan yang sama diberikan oleh Liew (2019) iaitu:

*“...so kita nak berdakwah dari segi makanan. So itu sudah boleh buka, bukan nak suruh dia masuk Islam. Cuma kita nak terangkan Islam tu mudah saja...”.* (Liew, 2019)

#### 4.3.6 Pembinaan Hubungan ‘Mesra Dakwah’

Dalam konteks dakwah, MACMA menjadikan konsep ‘hablun minan nas’ (hubungan dengan manusia) sebagai dasar utama membina hubungan baik bersama para *mad’u* di kalangan Cina bukan Islam. Secara tidak langsung

risalah Islam turut disampaikan dalam usaha memberi kefahaman Islam kepada khalayak umum. Konsep ‘mesra dakwah’ MACMA dilihat melalui perjalanan program-program yang diadakan secara terbuka. Menurut kenyataan Hin, (2019) bahawa MACMA menerima respon baik dari semua pihak sepanjang mereka menjalankan program dakwah. Beliau menyatakan bahawa:

*“...dia memang appreciated, tiap-tiap tahun kita buat. Kita ada 20 cawangan di seluruh Malaysia. Tiap cawangan kita galakkan buat, kalau tak pun kita galakkan buat ikut kawasan. Kawasan Sabah, Serawak, Selatan Semenanjung, Utara, Timur dan Barat lah. Selalu kita buat...”.*

(Hin, 2019)

Kenyataan di atas menunjukkan masyarakat mula menerima kehadiran pendakwah MACMA khususnya dalam menjalankan program-program dakwah yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai medium penyampaian. Malah, mereka secara sukarela melibatkan diri dalam program yang dijalankan. Sikap menghargai dan komitmen kehadiran masyarakat awam khususnya dijadikan sebagai semangat MACMA dalam menggerakkan aktiviti dakwah ke seluruh Malaysia. Tambah Hin (2019) lagi:

*“...khususnya masyarakat Cina yang Non Muslim contohnya kami beberapa kali dah sebenarnya contohnya di Southern College di Johor Bharu. Kolej tu ramai student yang bangsa Cina kan, kalau kita buat program cakap Melayu mungkin orang tak datang. Kita buat bahasa Mandarin lah. Kita cerita apa, kita cerita halal, budaya kehidupan seorang Islam. Alhamdulillah ramai. Dekat 600 saya hadir sekali (bercakap bahasa Cina). 600 orang penuh dewan tu termasuk Profesor dia, orang luar, bussinessman pun datang dengar, alhamdulillah. Masa tu lah kita cakap Mandarin. Menyampaikan dakwah, menyampaikan Islam untuk memahami , nak bagi dia faham kena cakap bahasa dia. Sebab tu ramai orang datang very appreciated...”.*

(Hin,

2019)

Selain itu, MACMA turut mengambil berat hubungan sesama manusia. Dalam erti kata lain, aspek kemasyarakatan atau sosial. Ini boleh dibuktikan daripada penjelasan Liew (2019) :

*“...ni akan datang ni bulan 7 ni kami buat Conference Antarabangsa. Tu pun kami jemput Cina Muslim dari Hong Kong, Taiwan, China,*

*so kebanyakkan nnt you boleh join. Kebanyakkan mereka punya talk dalam Mandarin. So ini kenapa kita nak anjurkan program Conference ni? Sebab kami nak show kepada masyarakat especially Malaysia bahawa Cina Muslim ni di merata tempat. Dia bukan hanya ada di Malaysia. And then kita bukan Melayu betul tak, sebab orang Malaysia masih beranggapan masuk Islam masuk Melayu. So how about Cina Muslim yang di Cina, di Taiwan, di Hong Kong kan? Diaorang akan...bila Conference ni dianjurkan, diaorang akan terbuka mata tengok aikk..seluruh dunia pun ada Cina Muslim bukan Cina Melayu...”.*

(Liew, 2019)

Bahkan Leong (2019) turut bersepundapat dengan Liew (2019) dalam aspek kemasyarakatan yang dilihat melalui usaha MACMA merangka dan mengadakan program dakwah khusus demi kepentingan masyarakat sejagat. Beliau menyatakan:

*“...kita pergi ke Pusat Orang Tua Bukan Islam. Saya buat program di Kajang, ada Cina dan India. Kemudian saya buat lawatan di Sungai Buloh, Chester Homes situ 100% Cina. Pergi ziarah,. Pengurus pun ok takde masalah”.*

(Leong, 2019)

## Perbincangan

Berdasarkan kajian, terdapat pelbagai kajian yang digunakan oleh MACMA dalam menyampaikan dakwah ke masyarakat terutama etnik Cina iaitu melalui penerbitan kitab al-Quran dalam versi bahasa Mandarin. Ia merupakan usaha kerjasama antara MACMA dan Yayasan Restu. Usaha sama tersebut dipimpin oleh Ustaz Abdul Kadir Leong sebagai ketua penterjemah. Seperti keterangan Hin (2019):

*“Sebab tu lah penting buku, sebab tu kita nak jugak cetak al-Quran dalam bahasa Cina. Yang tu kerjasama dengan Yayasan Restu. Dan alhamdulillah kita punya ketua penterjemahan ni ialah ustaz Abdul Kadir Leong.”*

(Hin, 2019)

Jika diteliti daripada kenyataan Hin (2019) di atas, MACMA juga turut menitikberatkan pemilihan kosa kata dan tatabahasa walaupun dalam menggunakan bahasa Mandarin. Hal ini menunjukkan kepentingan menggunakan laras bahasa yang sesuai supaya isi kandungan dan mesej yang ditulis tersebut mampu difahami dengan jelas oleh para pembaca. Kajian Nor Sad

& Aini (2017) menunjukkan terdapat empat ciri-ciri laras bahasa yang sesuai apabila seorang pendakwah berhadapan dengan *mad'u*. Ciri-ciri bahasa tersebut meliputi bahasa yang benar dan jujur, bahasa sopan dan lemah lembut, bahasa yang mudah difahami serta bahasa yang jelas dan terang.

Manakala dari sudut pendidikan pula, Mohd Yunus (2010) menyifatkan dakwah melalui pendidikan boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu secara formal dan tidak formal. Melalui pendedahan agama dalam pendidikan dan misi dakwah adalah untuk melahirkan individu yang mampu memajukan diri dan masyarakat sama ada kemajuan rohani dan fizikal. Dakwah melalui pendidikan adalah asas utama dalam memberikan kefahaman Islam yang sebenar kepada saudara baru. Ini telah dilaksanakan oleh MACMA seperti penjelasan oleh Leong (2019) dan Liew (2019) bahawa MACMA telah mengadakan kelas pengukuhan akidah dan kelas pembelajaran bahasa Mandarin. Hin (2019) menambah, bahawa MACMA telah berjaya menubuhkan sebuah sekolah rendah Islam.

Dari sudut media massa, MACMA juga aktif mengaplikasikannya dalam dakwah. Hin (2019) menyifatkan media massa sebagai satu ruang untuk penyebaran dakwah Islamiah dan menjadi saluran dakwah efektif masakaini. Media dakwah merupakan pengisian dakwah yang ingin disampaikan kepada sasaran (Muhammad Zin, 1997). Terdapat beberapa program yang telah dirangka secara berkala sama ada melalui medium bahasa Melayu seperti ‘Kembali Fitrah’ di TV Al-Hijrah atau melalui medium bahasa Mandarin iaitu ‘Sinaran Rohani’ yang bersiaran di TV 2. Kedua-duanya merupakan program video pendek berdurasi selama 15 minit ke 1 jam. Intipati dalam program ini adalah menceritakan mengenai ilmu Islam secara ringkas. Selain itu juga, MACMA berpeluang mengembangkan ilmu pendidikan mengenai Islam melalui medium surat khabar. Bahkan juga MACMA pernah bersiaran di stesen radio seperti stesen 911 dan stesen SOAEC yang mana mereka pernah menemu bual wakil MACMA untuk mengupas tajuk berkenaan “*How the Chinese Muslim’s Life*”.

MACMA mengambil peluang mengetengahkan Islam dengan menggunakan saluran media baharu yang ada pada ketika ini seperti media sosial *Facebook*, *Youtube*, *Whatsapp* dan saluran-saluran media yang ada. Ustazah Maisarah Leong menyatakan:

“...kita nak attack mereka. Yang keduanya dalam *Facebook* kita pun kadang kala kita akan masukkan ayat-ayat berkaitan agama. Kadang bentuk hadis, kadang peribahasa tapi dalam bahasa Mandarin. Sebab sekarang media laju IT. Kita kena guna... ”.

(Leong, 2019)

Pendekatan MACMA dalam penggunaan bahasa Mandarin juga memfokuskan kepada pengisian program dakwah. Wan Abdullah (2013) mengkategorikan beberapa elemen dalam memastikan kejayaan sesuatu program yang dijalankan. Program dakwah terancang mestilah meliputi elemen kekuatan dalam merancang, kekuatan pendakwah dalam memimpin, komunikasi, perancangan bajet dan kewangan, disiplin individu yang terlibat, birokrasi dan sumber tenaga. Kesemua elemen ini jika tidak disusun secara terancang akan menyebabkan kepada kepincangan sesuatu program. Kesannya menyebabkan mesej dakwah Islam tidak dapat dicapai. Kajian Jalal (2018) turut menunjukkan para pendakwah masih gagal dalam memahami skop ‘peta dakwah’ walaupun perancangan yang diatur tersebut tersusun. Hal ini berlaku kerana kegagalan dalam memahami karakter, budaya dan gaya hidup *mad'u* sekaligus menyebabkan pendekatan dakwah tidak sesuai dengan keadaan semasa *mad'u*. Ketiga-tiga peserta dalam kajian ini menyatakan program adalah salah satu aktiviti utama dalam pendekatan dakwah MACMA. Melalui program secara tidak langsung menjalinkan hubungan antara pendakwah dengan *mad'u*. Antara program yang konsisten diadakan oleh MACMA adalah program pengukuhan ibadah yang memberikan pencerahan dan kefahaman tentang agama Islam kepada masyarakat Cina Muslim khususnya.

Manakala kajian Rosli (2016) pula mendapati MACMA cawangan Kelantan mempromosikan makanan tradisi Cina dengan menggunakan bahan-bahan yang halal di sisi Islam. Mereka menggelarkan ia sebagai *halal food*. Hal ini diperakui oleh Leong (2019) yang menyatakan bahawa salah satu pendekatan dakwah MACMA adalah dengan cara mengekalkan makanan tradisi Cina dengan menggantikan bahan yang tidak boleh dimakan kepada bahan yang boleh dimakan dalam agama Islam. Menurut kenyataan beliau:

“*Macam baru-baru ni buat Chang, pulut tu, kalau Kantonis panggil Chong Sai, Kalau Hokkien dia panggil Chang Ba Chang Ba. Dalam tu ada isi daging maksudnya.*”

(Leong, 2019)

Dalam hal makanan, kajian Fee (2004) menyatakan bahawa makanan adalah lambang atau penanda sosial terhadap ketamadunan satu kumpulan sosial. Kenyataan ini menunjukkan setiap komuniti mempunyai identiti tersendiri dalam mengekalkan makanan tradisi masing-masing. Begitu juga kajian Rosli (2016) menjelaskan bahawa amalan dakwah melalui makanan jelas menunjukkan muallaf Cina masih mampu menikmati makanan tradisi mereka dengan syarat bahan dan kaedah penyediaan makanan tersebut mestilah halal. Kajian Rosli & Abdullah (2015) turut mencadangkan agar kajian aplikasi dakwah melalui makanan lebih

diluaskan bagi memberikan gambaran jelas kepada masyarakat Cina khususnya mengenai amalan pemakanan sihat. Pada masa yang sama, penggunaan bahasa Mandarin turut diaplikasikan oleh MACMA, dalam memperkenalkan konsep halal pada makanan tradisi Cina kepada golongan Cina Muslim dan bukan Muslim.

Jalal (2018) menyifatkan tugas seorang pendakwah bukanlah semata-mata berceramah atau mengadakan kuliah sahaja. Masa kini memerlukan kepada transformasi dakwah di mana peranan pendakwah dilihat dalam konteks yang lebih besar. Kajian tersebut turut menyifatkan pendakwah masa kini adalah sebagai komunikator, penyelesaian masalah (*problem solver*), pengurus, usahawan dan juga kaunselor. Dalam penjelasan tersebut, pendakwah disarankan agar bijak dalam mendampingi generasi muda, mendampingi saudara baru dan mendampingi masyarakat. Dalam konteks dakwah, MACMA menjadikan konsep ‘*hablun minan nas*’ sebagai dasar utama membina hubungan baik bersama para *mad'u* dikalangan Cina bukan Islam. Secara tidak langsung risalah Islam turut disampaikan dalam usaha memberi kefahaman Islam kepada khalayak umum. Konsep ‘mesra dakwah’ MACMA dilihat melalui perjalanan program-program yang diadakan secara terbuka. Menurut kenyataan Hin (2019) bahawa MACMA menerima respon baik dari semua pihak sepanjang mereka menjalankan program dakwah. Beliau menyatakan bahawa:

“...dia memang appreciated, tiap-tiap tahun kita buat. Kita ada 20 cawangan di seluruh Malaysia. Tiap cawangan kita galakkan buat, kalau tak pun kita galakkan buat ikut kawasan. Kawasan Sabah, Sarawak, Selatan Semenanjung, Utara, Timur dan Barat lah. Selalu kita buat...”.

(Hin, 2019)

Kenyataan di atas menunjukkan masyarakat mula menerima kehadiran pendakwah MACMA khususnya dalam menjalankan program-program dakwah yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai medium penyampaian. Malah, mereka secara sukarela melibatkan diri dalam program yang dijalankan. Sikap menghargai dan komitmen kehadiran masyarakat awam khususnya dijadikan sebagai semangat MACMA dalam menggerakkan aktiviti dakwah ke seluruh Malaysia. Tambah Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin lagi:

“...khususnya masyarakat Cina yang Non Muslim contohnya kami beberapa kali dah sebenarnya contohnya di Southern College di Johor Bharu. Kolej tu ramai students yang bangsa Cina kan, kalau kita buat program cakap Melayu mungkin orang tak datang. Kita buat bahasa Mandarin lah. Kita cerita apa, kita

cerita halal, budaya kehidupan seorang Islam. Alhamdulillah ramai. Dekat 600 saya hadir sekali (bercakap bahasa Cina). 600 orang penuh dewan tu termasuk Profesor dia, orang luar, bussinessman pun datang dengar, alhamdulillah. Masa tu lah kita cakap Mandarin. Menyampaikan dakwah, menyampaikan Islam untuk memahami , nak bagi dia faham kena cakap bahasa dia. Sebab tu ramai orang datang very appreciated...”

(Hin, 2019)

Selain itu, MACMA turut mengambil berat hubungan sesama manusia. Dalam erti kata lain, aspek kemasyarakatan atau sosial. Mohd Zaki & Engku Alwi (2014) mendapati bahawa melalui program ziarah, para pendakwah berpeluang mendekatkan diri dengan sasaran dakwah. Program ini juga membantu para pendakwah mengenali latar belakang dan memahami budaya hidup masyarakat yang terlibat. Secara umumnya, konsep dakwah *bil al-hal* diterapkan dalam dakwah melalui lawatan. Bahkan Ustazah Maisarah Leong turut bersepakat dengan pandangan Ustazah Nurul Nadhirah Liew dalam aspek kemasyarakatan yang dilihat melalui usaha MACMA merangka dan mengadakan program dakwah khusus demi kepentingan masyarakat sejagat. Beliau menyatakan:

“...kita pergi ke Pusat Orang Tua Bukan Islam. Saya buat program di Kajang, ada Cina dan India. Kemudian saya buat lawatan di Sungai Buloh, Chester Homes situ 100% Cina. Pergi ziarah,. Pengurus pun ok takde masalah”.

(Leong, 2019)

## Kesimpulan

Penggunaan bahasa Mandarin terhadap masyarakat Cina khususnya merupakan pendekatan yang tepat dan sesuai melihat kepada latar belakang dan kefahaman etnik Cina terhadap bahasa Mandarin. Hal ini menunjukkan kepentingan penguasaan bahasa Mandarin dalam kalangan para pendakwah perlu dipertingkatkan dan dikuasai bagi memudahkan proses penyebaran maklumat disampaikan kepada masyarakat umum. MACMA sebagai salah satu gerakan dakwah yang menggunakan bahasa Mandarin dalam dakwah. *Malaysian Chinese Muslim Association* (MACMA) atau Persatuan Cina Muslim Malaysia merupakan salah satu pertubuhan bukan kerajaan di negara Malaysia. Ia ditubuhkan secara rasmi pada 8hb September 1994 bagi memenuhi kehendak masyarakat Cina Muslim untuk mengerah usaha dakwah dengan lebih berkesan dan tertumpu kepada bangsa Cina serta rakyat berbilang kaum di negara ini. MACMA memainkan peranan sebagai jurucakap bagi

golongan Cina Muslim di Malaysia dan juga sebagai jambatan untuk membina penyatuhan melalui kepelbagaian bangsa dan kepercayaan di dalam keunikan masyarakat majmuk di Malaysia terutamanya kepada masyarakat Cina yang belum Islam. Antara kaedah yang digunakan adalah menterjemah al-Quran kepada bahasa Mandarin, pendidikan, program, makanan dan media serta pembinaan hubungan. Semoga dengan usaha yang dilakukan dapat memberi pengetahuan, mengukuhkan hubungan sesama mereka dan menyebarkan dakwah kepada masyarakat dan membuka ruang kepada *non-native speaker* seperti Melayu Islam menguasai bahasa Mandarin sebagai alat komunikasi dengan golongan Cina terutamanya dalam menyampaikan dakwah.

## Penghargaan

Kajian ini adalah sebahagian daripada hasil dana yang diperolehi daripada Geran Pembangunan dan Inovasi KUIS (GPIK) KUIS/PB/2018/GPIK 1/GPI/004.

## Rujukan

- Abd Hamid, Z, Abdullah, M.Y.M, Shaharuddin, S.A dan Abd Majid, M. 2015. *Pengantar Ilmu Dakwah*. Selangor: Lembaga Zakat Selangor (MAIS).
- Abdul Fatah M.F & Abdullah N.M.T @ Pao T.A. 2018. Keberkesanan Program Dakwah MACMA Kelantan Terhadap Muallaf. *At-Tahkim*, 8(25), 1-6.
- Abu Bakar S.A dan Ismail S.Z. 2018. Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. *Jurnal Usuluddin*, 46 (2), 97-122
- MACMA (2019, July 20). Visi dan Misi MACMA. Retrieved March 11, 2019, from <http://macma.my/main/index.php/vision-mission>
- Baharum A.N, Md Saleh N.Z dan Mat Salleh N.I.A. 2014. *Pendekatan Dakwah Kepada Masyarakat Cina Di Malaysia*. Kajang: Kertas Kerja tidak diterbitkan. Sarjana Muda Dakwah Dengan Pengurusan Sumber Insan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kajang.
- Braun, V. & Clarke, V. 2006. *Using Thematic Analysis in Psychology. Qualitative Research in Psychology*. University of the West of England, Bristol.
- Fee L.Y . 2004. *Laporan Penyelidikan Kedinamikan KeCinaan & Identiti Orang Cina di Malaysia*. Sari 22: 167-181.
- Fuad, Z. 2015. Pendekatan Dakwah Melalui Seni Oleh Shaykh Muim Al-Wahhab. *Jurnal Pengajian Islam*. 8 (3) (Ek),1-19.
- Halim, H. 2018. *Komunikasi dalam Konteks Budaya Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hin, T.Y.Y. 2019. Penggunaan Bahasa Mandarin Dalam Dakwah Di Malaysia: Kajian Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA). Temubual 12 Jun 2019. 10 am. UPM
- Jalal, B, Ismail A.S & Abd. Ghani S. 2018. *Pendekatan Dakwah Untuk Cabaran Masa Depan: Satu Sorotan*. Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah. 4(1): 23-33.
- Jasmi, K.A. 2012. *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*. Kertas kerja dibentangkan di Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012 pada 28-29 Mac 2012 di Puteri Resort Melaka anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Jasni S.R, Mohd Shukri N.F.A. 2018. *Penggunaan Bahasa Mandarin Dalam Gerakan-Gerakan Dakwah Di Malaysia*. Kertas Kerja tidak diterbitkan. Sarjana Muda Dakwah Dengan Pengurusan Sumber Insan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kajang.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019, Disember 10 ). *Jumlah-Penduduk-Malaysia-Terkini 2019 Statistik Terkini*. Retrieved Disember 10, 2019 from <https://www.permohonan.my/jumlah-penduduk-malaysia-terkini>
- Lebar O. 2007. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Leong M. 2019. *Penggunaan Bahasa Mandarin Dalam Dakwah Di Malaysia: Kajian Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)*. Temubual. 13 Jun 2019. 11 am. JAKIM Putrajaya.
- Liew N.N. 2019. *Penggunaan Bahasa Mandarin Dalam Dakwah Di Malaysia: Kajian Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)*. 15 Jun 2019. 3 pm. Kajang.
- Mandarin Book. 2017. In Hidayah Centre Foundation.
- Mhd Omar M.F.H , Syed Ismail al-Qudsy S.H. 2016. *Sumbangan Organisasi Cina-Muslim Dalam Keharmonian Beragama Di Malaysia: Tinjauan Terhadap Peranan Dan Cabaran PERKIM Dan MACMA. Isu-isu Semasa Dakwah dan Golongan Minoriti*.
- Mohd Yunus A.R. 2010. Pendekatan Dakwah Melalui Pendidikan Kepada Masyarakat Orang Asli di

- Negeri Pahang. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1): 57-64.
- Mohd Zaki J & Engku Alwi. E.A.Z. 2014. *Aktiviti Dakwah JAKIM Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan dan Cabarannya*. Kertas Kerja Persidangan Bicara Dakwah kali ke 14: Pengurusan Dakwah Kontemporari, Anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM. Bangi.
- Mohd Zin A.A et al. 2006. *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Muhammad Zin A, Che Mamat C. Y & Endot I. 1997. *Prinsip Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- Muhammad, W. 2017. Penggunaan Bahasa Mandarin. (H. C. Foundation, Interviewer)
- Neuwan, W.L. 1991. *Social Research Methods Qualitative and Quantitative Approaches*. Massachusetts: Allyn & Bacon.
- Nor Sad N.D.H & Aini Z. 2017. Bahasa Daie dalam Komunikasi Dakwah Kepada Masyarakat Orang Asli. *Jurnal al-Hikmah*. 9(1): 110-127.
- Nor Sad N.D.H. 2017. *Komunikasi Bahasa Pendakwah Masyarakat Orang Asli*. Tidak Diterbitkan Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Piaw C.Y. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd .
- Rosli R & Abdullah N.M.T @ Pao T.A. 2015. Aplikasi Metodologi Dakwah *Malaysia Chinese Muslim Association* (MACMA) Kelantan kepada Muallaf : Kajian Awal. Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah.
- Rosli R. 2017. *Metodologi Dakwah MACMA Kelantan kepada Muallaf*. Tidak Diterbit Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sakinah. 2017. Penggunaan Bahasa Mandarin. (H. C. Foundation, Interviewer) Februari 9.
- Siok, T.H. 2015. *Keseajaran Kurikulum Bahasa Mandarin dan Pelaksanaannya di Institut Pengajian Tinggi*. Tidak diterbitkan Disertasi Doktor Falsafah: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Sukami N.A, Abd Rahim S.N.M, Mohamad Harizam N.A.A. 2018. *Persatuan Cina Muslim Malaysia*. Kajang: Kertas Kerja tidak diterbitkan. Sarjana Muda Dakwah Dengan Pengurusan Sumber Insan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kajang.
- Wahab M.S, Mohd Nor A.A, Aspal T. 2018. *Penggunaan Bahasa Mandarin dalam Dakwah oleh MACMA*. Kertas Kerja tidak diterbitkan. Sarjana Muda Dakwah Dengan Pengurusan Sumber Insan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kajang.
- Wan Abdullah, W.Y. 2013. Dakwah di Universiti Selangor: Kajian Masalah Pelaksanaan & Penerimaan Pelajar. Tidak diterbitkan Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin. Jabatan Dakwah & Pembangunan Insan, Akademi Islam: Universiti Malaya (UM).